

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]

SOALAN NO. 81

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai sekolah-sekolah di kawasan P211 Lanang yang dikategorikan sekolah daif/uzur dan jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk setiap sekolah bagi kerja pembaikpulihan sekolah-sekolah tersebut pada tahun 2019.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Peruntukan Pembangunan Semula Daif di Sarawak melibatkan 198 projek yang berjumlah RM557 juta dalam RMKe-11. Khusus bagi sekolah-sekolah di Parlimen Lanang, daripada 48 buah sekolah yang terdapat di kawasan Parlimen Lanang, 28 sekolah rendah dan lima (5) sekolah menengah dikategorikan sebagai daif. Projek Pembangunan Semula bangunan sekolah daif di kawasan Parlimen tersebut dilaksanakan secara berpakej pada tahun 2018 yang melibatkan empat (4) buah sekolah dengan kos projek berjumlah RM34.4 juta. Sekolah-sekolah tersebut adalah seperti yang berikut:

NO. SOALAN: 81

BIL.	NAMA SEKOLAH	STATUS
1.	SK Ulu Sungai Salim	Sijil Perakuan Siap telah dikeluarkan pada Jun 2018.
2.	SK Tanjung Latap	Dalam proses mengeluarkan Notis Tujuan Penamatan kepada kontraktor.
3.	SK Kampung Banyok	Dalam proses mengeluarkan Notis Tujuan Penamatan kepada kontraktor.
4.	SK Sungai Salim	Dalam proses mengeluarkan Notis Tujuan Penamatan kepada kontraktor.

Selain itu, beberapa buah sekolah lagi telah dinaiktaraf di bawah Projek Penambahbaikan dan Penyenggaraan Sekolah Menggunakan Peruntukan Tabung Khas (PPKHAS) dalam tahun 2018. Antara kerja penambahbaikan dan penyelenggaraan yang dilaksanakan melibatkan kerja penambahbaikan pagar, bumbung, sistem kumbahan, sistem perpaipan dan pendawaian elektrik. Sekolah-sekolah yang terlibat adalah seperti yang berikut:

BIL.	NAMA SEKOLAH	BUTIRAN PROJEK	KOS
1.	SK SEDC	Pagar	RM 30,000.00
2.	SK Tanjung Latap	Pagar	RM 80,000.00
3.	SK Sungai Nibong	Bumbung	RM 40,000.00
4.	SK Nanga Assan	Bumbung	RM 45,000.00
5.	SK Sentosa	Sistem Kumbahan	RM 12,000.00
		Sistem Perpaipan	RM 20,000.00
6.	SK Sibu Jaya	Sistem Kumbahan	RM 15,000.00
		Sistem Perpaipan	RM 25,000.00
7.	SK Perbandaran Sibu No.2	Pagar	RM 50,000.00
8.	SMK Jalan Oya	Pagar	RM 50,000.00
9.	SMK Sibu Jaya	Pagar	RM49,974.00
		Elektrik	RM11,130.00